

Malaysia Miliki Kelebihan Daya Saing Tarik Lebih Banyak Pelaburan China - Deloitte

PETALING JAYA, 8 Nov (Bernama) -- Malaysia mempunyai lokasi yang kompetitif untuk pusat perkhidmatan perkongsian berikutan ia mempunyai tenaga kerja dan infrastruktur yang baik, dan dijangka menarik lebih banyak pelaburan China berbanding negara ASEAN lain, menurut Deloitte Malaysia.

Ketua Cukai Negara Deloitte Malaysia, Yee Wing Peng, berkata ringgit yang rendah berbanding mata wang utama di rantau ini menjadikan Malaysia lebih menarik sebagai hab perkhidmatan serantau.

"Malaysia berada pada kedudukan yang baik untuk menerima lebih banyak pelaburan dari China.

"Penguasaan bahasa dan perniagaan yang sedia ada dalam kalangan rakyat Malaysia memudahkan untuk menjalankan perniagaan dengan penggiat China dan mewujudkan peluang yang tinggi untuk menarik syarikat multinasional (MNC) China menubuhkan pusat perkhidmatan serantau mereka di Malaysia," katanya pada forum ekonomi yang diadakan bersempena Persidangan TaxMax Tahunan 2016 Deloitte di sini, Selasa.

Bertemakan 'Keputusan Berani, Tindakan Berani', seminar itu dihadiri lebih 600 profesional kewangan dan penggiat industri.

Yee berkata terdapat pemaju MNC China yang telah melaksanakan pembangunan bercampur di Malaysia dan mereka boleh memainkan peranan penting dalam membawa masuk lebih banyak MNC China untuk beroperasi di kemudahan yang akan ditubuhkan.

Antara projek pembangunan China di Malaysia ialah Bandar Malaysia, Melaka Gateway, Taman Industri Kuantan Malaysia-China dan Forest City di Johor Bahru.

"Dari segi potensi, ekonomi Malaysia dan China boleh saling berkaitan secara komprehensif. Kita merupakan negara ASEAN pertama yang membangunkan hubungan diplomatik dengan China pada 1974, dan ruang untuk kerjasama adalah besar," katanya.

Yee juga berkata ringgit lemah boleh memberi manfaat kepada beberapa Bidang Ekonomi Utama Negara, terutamanya dalam sektor pelancongan dan peruncitan.

"Oleh itu, perniagaan perlu melihat peluang dalam dua sektor ini untuk terus mengukuhkan ekonomi negara," katanya.

Sementara itu, Naib Presiden Serantau Country Garden Holdings Co Ltd, Dr Runze Yap, bersetuju dengan pandangan positif Yee mengenai dinamik Malaysia-China.

"Malaysia adalah pengantara antara China dan negara-negara Barat.

"Dari segi dasar, Malaysia telah mengekalkan hubungan yang seimbang antara China dan Amerika Syarikat," kata Yap.

Beliau berkata terdapat perjanjian perdagangan yang dimeterai Malaysia dengan China dan negara ASEAN yang lain, dan ia akan menarik lebih ramai pelabur.

Yap berkata Malaysia telah membina momentum yang amat kukuh dalam menarik syarikat China untuk melabur di sini.

"Mengenai masa depan, selain pembangunan hartanah, kehadiran penggiat China akan turut dirasai dalam sektor pembuatan termasuk elektrik dan elektronik, tekstil dan tenaga solar," kata Yap.

-- BERNAMA